

# *Se-balik Kain*

## Kumpulan Cerpen

**Cerekayasa** adalah *imprint Kawah Buku* yang menerbitkan judul-judul bacaan umum dan karya-karya kreatif bermutu tinggi. Adapun sebagai paluh yang mengadun pujangga kata dan imaginasi, cap cetak ini mahu menjadi gapura kepada naratif yang memukau dan keajaiban daya pengaryaan. Lambang Cerekayasa, yakni gabungan kelopak bunga yang mekar dan liuk nyala api, merupakan suatu pernyataan sikap penerbitan terhadap kualiti, kepelbagaiannya dan percikan keindahan kesusasteraan.

*“Wat supo kito laye tok laki kitolah ... jange laye  
kokse-kokse, mugo duik oghe!”*



# *Se-balik Kain*

## Kumpulan Cerpen

Regina Ibrahim



**Cetakan Pertama 2024**

Hak cipta tulisan © Regina Ibrahim  
Hak cipta penerbitan © Kawah Buku

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau sebarang cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pemegang hak cipta.

**Cerekayasa, sebuah imprint Kawah Buku**  
*(Didaftarkan di bawah Soeloeh Merdeka Publishing)*  
Bandar Baru Bangi  
43650 Selangor  
🌐 [press.kawahbuku.com](http://press.kawahbuku.com)



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan  
Perpustakaan Negara Malaysia  
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati  
dari Perpustakaan Negara Malaysia  
ISBN 978-629-99518-0-3

Susunan dan suntingan oleh Shamsul Amin  
Bacaan semak oleh Azan Safar, Khairunisa dan Iskandar Kamel  
Konsep dan reka bentuk kulit buku oleh Ruhan Shahrir  
Fotografi oleh Azan Safar

Diterbitkan di Malaysia  
Dicetak oleh Nets Printwork

# Isi Kandungan

<i>Bercerita; se-buah Prakata</i>	ix
Menanggung Takdir	1
Kasih Tak Padam	16
Semester Panas	27
Aliya Maisara	41
Farah Nan Manis	55
Syamel dan Pilihan Hati	67
Fazida Amwo	85
Ustazah Zakiah	94
Alor Setar pada Suatu Subuh Hening	99
Ayah Berkumat-Kamit	106
Chap Pe Chik Pokok Asam	117
Peluang Baharu	128
Kerinduan	135
<i>Hungry Ghost: Theresa Kurniawan Ho</i>	146
<i>Hungry Ghost: Mencari Kepastian</i>	154



# Bercerita; se-buah Prakata

Alang-alang sudah bercerita, terhimpunlah rangkaian cerpen yang pernah disiarkan secara talian dan tidak tertakluk di bawah hak cipta mana-mana syarikat penerbitan. Sayang jika hilang begitu sahaja.

Saya terjun ke dunia penulisan secara serius pada tahun 2015, sewaktu dunia penulisan heboh berpolemik tentang sastera tradisional dan penulisan *indie*. Ketika itu, pelbagai penerangan telah diberikan kepada khalayak bahawa penulisan *indie* juga merupakan sejenis kerja literasi yang boleh digelar sastera (sila rujuk pada pengertian sastera).

Kumpulan cerpen istimewa ini membawa pelbagai perasaan kepada para pembaca. Cerita tentang manusia yang saling berhubungan, kemelut perasaan sehingga tiga cerita yang sememangnya dikumpul secara tahunan tentang perayaan Hantu Lapar (*Hungry Ghost*) dalam kalender lunar orang Tionghua. Cerpen itu tentulah tidak menjanjikan tahap keseraman kecuali hanyalah berkisah tentang jiwa manusia dan perhubungannya.

Cerpen ‘Aliya Maisara’ sengaja ditampilkan dalam naskah ini sebagai menguji tahap romantis peribadi sambil menyaksikan lambakan buku-buku cinta yang sememangnya laris manis. Bual bicara tentang ‘kesihatan mental’ yang semakin kelihatan dan mula diperbincangkan secara terbuka di alaf baharu dipamerkan menerusi cerpen ‘Syamel dan Pilihan Hati’. Begitu juga terma aseksual yang agak asing bagi masyarakat di Malaysia, turut diperjelaskan secara fiksyen. Manakala ‘Chap Pe Chik Pokok Asam’ yang sememangnya cerita tradisi Indochina diperkemaskan sebagai tribut kepada arwah Ibu Hajjah Salmah Said yang gemar berlipur lara kepada kami adik beradik sewaktu membesar tanpa permainan dan peralatan canggih di zaman 70-an.

Penceritaan dipastikan bergerak secara langsung serta mudah, kerana saya percaya bahawa dalam sebarang karya fiksyen, cerita adalah raja. Maka, tergabunglah kisah peribadi dan pemerhatian daripada kaca mata seorang transnita yang difiksyenkan sebaik mungkin.

Saya menggunakan kolokial untuk ekspresi dialog daerah secara realistik, sesekali mewakili ego watak dan masih menghormati tatabahasa di luar ruang konvensi. Jadi tidak timbul persoalan membuat-buai pembacaan dengan jargon berat atau berpusing-putar cuba melakar sastera indah.

Rencah perasaan manusia tanpa mengira jantina sudah dijadikan inti dalam setiap penceritaan, kemelut kecurangan, nasihat, pandangan, mistik dan seksualiti. Justeru harapan

sudah dilegarkan agar pembaca tercuit perasaan.

Saya mahu bercerita sepenuh hati. Mengangkat kisah-kisah yang pernah dilalui oleh kenalan terdekat atau suara-suara yang dibawa angin dalam masyarakat. Hal-hal kecil yang dinafikan sehingga ia tidak pernah masuk dalam penceritaan piawai dalam dunia sastera (misalnya, penolakan syarikat penerbitan atas alasan keselamatan).

Kolaborasi penerbitan yang dihulur oleh Kawah Buku sangatlah dihargai, diterima dengan tangan terbuka, demi kemajuan dunia penerbitan Malaysia serta variasi teknik penceritaan. Bukankah dalam tiap segmen hidup, kita tidak mampu tumbuh bersendirian?

Cetakan ini diharapkan memenuhi segala hasrat utama penerbitan yang merangkumi soal Peluang, Eksistensial, Pengalaman dan Pilihan. Semoga dinikmati, dipetik yang baik jadi pedoman.

**Regina Ibrahim**

2024



# 1

## Menanggung Takdir

**LANGIT** cerah biru tanpa awan dan berbahang di Semenanjung Malaysia dijangkakan berlangsung selama tiga minggu menurut perkongsian di laman sesawang di Internet. Dua tiga kali paparan daripada pihak kaji cuaca menyulur di jalur masa media sosial. Aku juga dalam kondisi hangat dan resah, dihantui perasaan yang bagai kucing mahu beranak menanti kepulangan ibu dari rumah Rafeah. Ada jawapan yang aku tunggu.

Aku bangun setelah mendengar derap kaki dan salam daripada ibu.

“Ah, legalah sikit! Mak mati-mati ingat depa nak minta 10 ke 15 ribu. Manalah hang nak cekau duit?” Ibuku meluahkan rasa lega sebaik melihat wajahku sebelum masuk melabuhkan punggung ke sofa.

“Depa minta apa, mak?”

“Lima ribu serba satu, aku angguk setuju *teruikh* la. Mak

si Peah pun nampak lega, depa nak *pelepaib* buang, sebab *tinggai* dia sorang,” bersahaja jawapan ibu.

Aku diam beberapa saat sebelum bertanya sama ada dia dan Pak Long mahu minuman sejuk. Maklumlah, cuaca di luar bukan main terik. 35 darjah Celcius pada awal tahun.

“*Toksah* tanyalah Amran oi ... hangat *bedehaulah*. *Belengaib!* Hang bak *mailah ayaq* kat aku *ngan* Pak Long hang. Zamri *pi mana?*” Ibu kembali kepada sifatnya bertanya dua soalan dalam satu.

“Zam pi *hantaq* kek di pekan, ada orang *order* empat biji.”

“*Baguihlah* lagu tu. Tak duduk saja di rumah *melengkaq* main *remote control* TV macam abang hang Zulkarnaen di rumah *nub* ...” Pak Long yang tiba di pintu bersuara. Suaranya garang garau seperti biasa.

“*Doklah* sat, abang. Lega dahlah. Cek ingat pakai tak *dak* harapanlah nak dapat menantu,” ibu mencelah sewaktu aku berlalu ke dapur.

“Ish ... awat kata lagu tu. Depa jantan, depa rengkuh carilah bini depa,” suara Pak Long masih kedengaran meskipun aku berada di ruang dapur.

Maklumlah, rumah flat tiga bilik. Dapur pula berdekatan dengan ruang tamu. Menurut ibu, rumah ini

dibeli sewaktu mendapat pampasan insurans kemalangan arwah ayah. Hiduplah kami empat beranak secara sederhana; ibu dan tiga anak lelakinya termasuk aku, Zamri dan Amri. Kami anak-anak yang baik, menurut ibu. Siapalah lagi yang mahu memuji kalau bukan tuan punya rahim yang melahirkan?

Ibu rasanya tidak bermasalah berat membesarakan kami. Sifat berdikari sudah dipupuk lama sebaik menyedari hidup tanpa ayah. Gerai laksa kami terletak di tapak tepi flat, diusahakan setahun setelah ayah pergi. Gerai ini banyak membantu ekonomi keluarga kami. Sejak kecil kami berselang-seli sudah tahu bagaimana merebus berkilo-kilo ikan kembung, ikan sardin dan tahu akan kualiti asam keping. Itu belum lagi teknik cabut tulang. Amri pula suka sangat mesin pengisar. Ada nikmat agaknya melihat tulang-tulang ikan berputar menjadi halus.

Hubungan kami tiga beradik memang rapat. Aku terdahulu bekerja kerana tidak mahu menyambung pelajaran, sekali gus rapat dengan ibu. Apabila Zamri tamat Diploma Hospitaliti, semua kerja memproses laksam diambil alih olehnya. Malah ada tambahan resipi Mi Jawa. Ibu bolehlah berehat di kasir sahaja.

Sesekali ibu kelihatan murung bagi banyak berkhayal.